

**PUNCA DAN CIRI-CIRI MASALAH PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN
CALON PELAJAR SIJIL ASA JAHITAN KREATIF DI KOLEJ KOMUNITI
KUCHING**

**CAUSE AND CHARACTERISTICS OF LEARNING DISABILITY AMONG
STUDENT CANDIDATES OF BASIC CREATIVE SEWING CERTIFICATE OF
KUCHING COMMUNITY COLLEGE**

^aNurina Pillin Sibat,

^bValerie Lia Simon,

^cDylinda Andrew

Basic Creative Sewing Unit, Kuching Community College

^anurina5712@gmail.com

Abstrak: Proses pembelajaran adalah suatu proses mempelajari sesuatu ilmu dan kemahiran manakala masalah pembelajaran pula adalah kesukaran atau kerencatan dalam menguasai satu atau lebih kemahiran berfikir, psikomotor, dan pertuturan. Masalah pembelajaran juga merangkumi masalah dari segi sosial dan pergaulan dan masalah tumpuan terutama dalam aspek pembelajaran. Responden adalah terdiri dari kalangan 32 orang calon (10 orang bagi sesi Mac 2016, 22 orang bagi sesi Mac 2017) yang menghadiri temuduga pengambilan pelajar sijil asas jahitan kreatif. Temuduga telah dilaksanakan bersama pelajar dan ibu bapa calon sebelum mereka ditawarkan untuk melanjutkan pengajian di Kolej Komuniti Kuching. Calon – calon ini berusia di antara 17 hingga 27 tahun. Hasil daripada temuduga mendapati bahawa kebanyakan calon telah didiagnosis sebagai disleksia, slow learner, dan autistik. Walau bagaimanapun, dalam kad OKU calon hanya tertera masalah pembelajaran. Daripada temuduga lanjutan bersama ibu bapa atau penjaga (wakil) pula mendapati bahawa punca masalah pembelajaran dalam kalangan calon adalah berkaitan dengan masalah kesihatan pada peringkat bayi (selepas kelahiran). Satu ciri yang paling ketara dalam kalangan calon pula adalah berkaitan kemahiran psikomotor iaitu kesukaran memegang alat memotong kain (gunting). Intervensi awal dan sokongan keluarga pula didapati berkesan dalam mengurangkan simptom yang calon alami kerana hampir kesemua calon (29 calon) tidak menghadapi masalah mengenal huruf dan membaca petikan yang ringkas. Bagi menyokong hasil dapatan kajian ini lebih banyak kajian melibatkan kesemua kolej komuniti (yang menawarkan pengajian khas) seluruh Malaysia perlu dilaksanakan pada masa akan datang.

Abstract: The learning process is a process of acquiring knowledge and skills. Meanwhile learning disabilities or retardation are difficulties in mastering one or more of soft skills, psychomotor and speech. Learning disabilities also include issues of social interaction and concentration problems, especially in the aspect of learning. The respondents were among 32 candidates (10 from the March 2016 session, 22 from the March 2017 session) attending the intake interview for the basic creative sewing certificate program. Interviews were conducted with prospective students and their parents before they are offered to study at the Kuching Community College. Candidates were between the age of 17 and 27 years. The results of the interviews found that most candidates have been diagnosed as dyslexic, slow learner, and autistic. In their OKU (Orang Kelainan Upaya) however, it was only stated as learning disabled. Further interview with the parents or guardian (representative) found that the cause of learning disabilities among candidates is associated with health problems in their early stage (after birth). The most significant characteristic was associated with psychomotor, most of the candidates having trouble to hold the scissor. Early intervention and family support were found to be effective in

alleviating the symptoms experienced by candidates as almost all of the candidates (29 candidates) do not have problems with literacy and reading a brief passage. More research involving all Community Colleges (which offer special education program) throughout Malaysia should be conducted in the future to support the finding of this research.

Keywords: Masalah pembelajaran, punca masalah pembelajaran dan ciri-ciri masalah pembelajaran

PENDAHULUAN

Istilah masalah pembelajaran ini telah diperkenalkan oleh Kirk pada tahun 1963 (Kirk, 1963). Semenjak itu, istilah ini telah menjadi pendepatan hangat dalam kalangan ahli-ahli psikologi dan dari sudut perubatan. Menurut Lerner (2000) bilangan kanak-kanak yang didiagnos dengan masalah pembelajaran telah meningkat sejak tahun 1975. Kini golongan individu bermasalah pembelajaran merupakan golongan yang terbanyak dalam kelompok pendidikan khas. Swanson (2000) merujuk kepada peningkatan jumlah pelajar yang didiagnos sebagai bermasalah pembelajaran sebagai suatu epidemik. Masalah pembelajaran merupakan satu terma yang digunapakai bagi merujuk beberapa kondisi gangguan terhadap kemampuan seseorang dalam menguasai kemahiran belajar (Taha, et al., 2016). Menurut helpguide.org, masalah pembelajaran atau gangguan terhadap pembelajaran adalah satu terma yang merangkumi pelbagai masalah dalam pembelajaran. Menurut Lerner (2000) terdapat 9 ciri-ciri pembelajaran dan tingkah laku dalam kalangan individu bermasalah pembelajaran iaitu gangguan perhatian, masalah pembacaan, masalah psikomotor, masalah penggunaan bahasa dalam penulisan, masalah dalam pertuturan dan percakapan, masalah interaksi sosial, deficit proses psikologi, masalah pemprosesan maklumat dan masalah dalam pengiraan. Santrock (2011) mengklasifikasikan masalah pembelajaran ini kepada tiga jenis iaitu disleksia, disgrafia dan diskalkulia. Dalam Helpguide.org pula klasifikasi jenis-jenis atau ciri-ciri masalah pembelajaran ini adalah disleksia, diskalkulia, disgrafia, dispraxia (gangguan terhadap deria sentuhan), disphasia, gangguan pendengaran, gangguan memproses maklumat melalui penglihatan, *Attention Defisit Hyperactivity Disorder* (ADHD) dan autism. *National Association of Special Education* (NASSET) menyatakan bahawa kanak-kanak dengan masalah pembelajaran biasanya akan mempamerkan gabungan lebih daripada 2 jenis ciri-ciri masalah pembelajaran. Menurut Garguilo (2004) tidak semua pelajar dengan masalah pembelajaran akan menunjukkan ciri-ciri yang sama. Selain itu, tahap masalah pembelajaran juga berbeza bagi setiap individu iaitu samada secara

sedikit (*mild*), sederhana (*moderate*) atau teruk (*severe*). Keadaan sedemikian dipengaruhi oleh kaedah setiap individu untuk menghadapinya.

Bagi scenario di Malaysia pula, menurut Jabatan Pendidikan Khas (2004) pula ciri murid-murid bermasalah pembelajaran adalah merangkumi Sindrom Down (SD), autistic, gangguan hiperaktif deficit perhatian (ADHD), terencat akal minimum dan bermasalah dalam pembelajaran spesifik. Masalah pembelajaran spesifik pula merujuk kepada gangguan terhadap 1 atau lebih proses psikologi yang terlibat dalam pemahaman atau penguasaan sesuatu jenis bahasa, percakapan atau penulisan dan pengiraan matematik (Dhanda et. Al., 2013). Seperti yang dinyatakan oleh Santrock (2011) disleksia adalah suatu kondisi di mana individu tersebut sukar membaca, mengeja dan mengenal huruf. Bagi keadaan di mana individu sukar menulis atau melukis dikenali sebagai disgrafia. Diskalkulia pula merujuk kepada kesukaran individu dalam bidang berkaitan matematik yang melibatkan pengiraan dan pengukuran sesuatu jumlah. Di samping tiga keadaan yang telah dihuraikan oleh Santrock seperti yang dinyatakan dalam helpguide.org masalah pembelajaran bagi kategori dyspraxia adalah berkaitan dengan skill motor halus iaitu masalah berkaitan mengkoordinasi pergerakan mata dengan tangan, dan keseimbangan. Ia turut mengulas lanjut mengenai kondisi disphasia iaitu kesukaran berkaitan bahasa yang mana ia melibatkan kesukaran dalam memahami ungkapan bahasa serta kurang memahami pembacaan. Bagi masalah berkaitan autism pula menurut *The National Autism Society of Malaysia* (NASOM), ia adalah suatu masalah perkembangan yang kompleks yang boleh muncul seawal usia tiga tahun pertama pertumbuhan yang disebabkan oleh kerencatan neurologi yang mengganggu kefungsi otak. Kanak-kanak atau orang dewasa yang mengalami simptom autism adalah cenderung untuk mengalami masalah komunikasi (verbal atau nonverbal), sukar berinteraksi sosial dan masalah kognitif seperti aktiviti bermain dan bersukan. Oleh yang demikian adalah penting bagi seseorang pensyarah untuk memahami ciri-ciri yang dialami oleh para bakal pelajar bagi memudahkan mereka merangka

kaedah pengajaran yang berkesan dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian tindakan dalam bentuk kajian tinjauan. Oleh yang demikian proses kitaran kajian tindakan yang mudah difahami dikenali sebagai Model Kajian Tindakan Lewin akan digunakan.

ANALISIS DATA

Maklumat akan dikumpul melalui temuduga yang dijalankan bersama pelajar dan ibu bapa atau penjaga (waris) yang hadir semasa temuduga pengambilan pelajar. Hasil dapatan daripada temuduga tersebut akan dikategorikan mengikut simpton yang dimiliki oleh pelajar.

DAPATAN KAJIAN



Rajah 1 : Model Kajian Tindakan Lewin

Berdasarkan Rajah 1, kajian ini telah berada pada peringkat yang kedua, iaitu pada peringkat merancang. Ini adalah kerana para pensyarah telah membuat refleksi terhadap kumpulan pertama dan kedua pelajar yang telah mengambil Sijil Asas Jahitan Kreatif di Kolej Komuniti Kuching.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen bagi kajian ini adalah secara temuduga bersama pelajar dan ibu bapa atau penjaga (waris). Soalan yang diberikan adalah mudah dan hanya tertumpu kepada latar belakang kesihatan pelajar.

PERSAMPELAN

Menurut Mohd Majid (2004), populasi adalah satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Oleh Oleh itu, individu atau objek yang akan dikaji mestilah memiliki sekurang-kurangnya satu sifat yang sama antara satu sama lain. Bagi kajian ini, populasinya terdiri daripada kalangan calon pelajar Sijil Asas Jahitan Kreatif Kolej Komuniti Kuching bagiambilan Mac 2016 dan Mac 2017. Bagi tujuan persampelan pula, persampelan tidak rawak jenis bertujuan digunakan memandangkan responden adalah terdiri daripada 10 orang pelajarambilan Mac 2016 dan 22 orang pelajarambilan Mac 2017.

Sebanyak 32 orang pelajar dan 32 orang ibu bapa atau penjaga yang telah ditemuduga semasa. Bagiambilan Mac 2016 seramai 10 orang calon pelajar iaitu 4 lelaki dan 6 perempuan telah ditemuduga bersama ibu bapa atau penjaga masing-masing. Manakala bagi sesiambilan Mac 2017 pula seramai 22 calon pelajar telah ditemuduga iaitu 12 lelaki dan 10 perempuan bersama ibu bapa atau penjaga masing-masing.

PUNCA-PUNCA MASALAH PEMBELAJARAN

Hasil daripada temuduga yang dijalankan mendapati beberapa orang pelajar yang didiagnos sebagai slow learner atau lembam ini adalah berpunca daripada masalah kesihatan pada peringkat selepas kelahiran (bayi). Daripada 32 responden kajian 7 menyatakan bahawa bakal pelajar pernah mengalami demam teruk semasa bayi. Di samping itu, 3 daripada responden menyatakan bahawa bakal pelajar pernah terjatuh dan mengalami kecederaan di bahagian kepala. Yang selebihnya menyatakan bahawa simptomsimptom yang dimiliki oleh bakal pelajar tersebut hanya kelihatan selepas usia mejangkau 3 tahun. Ini terutama bagi yang didiagnos sebagai autis.

CIRI-CIRI MASALAH PEMBELAJARAN

Daripada hasil temuduga (termasuk bersama waris) mendapati ciri-ciri masalah pembelajaran yang

dialami oleh bakal pelajar tersebut adalah cenderung kepada simptom autisme, disleksia, dyspraxia, disgrafia, keterujaan melampau dan ADHD. Bagi golongan pelajar dengan symptom lembam adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 20 orang ini termasuk pelajar. Daripada pemerhatian mendapati pelajar dengan symptom lembam ini lebih kepada kondisi di mana pelajar malu untuk bertanya. Mereka juga kurang memahami arahan yang disampaikan oleh pensyarah. Bagi pelajar dengan masalah autisme pula adalah seramai 3 orang. Kondisi dan symptom yang mereka alami adalah amat jelas di mana mereka mudah merasa rimas sekiranya melakukan sesuatu di luar rutin mereka serta tidak gemar untuk bersosial sesama rakan sekelas. Mereka juga kurang bercakap malah kurang bertanya. Seorang daripada 4 pelajar autisme tersebut turut mengalami simptom dyspraxia di mana dia sukar untuk mengkoordinasi pergerakan tangan dan tumpuan mata semasa menjahit. 3 orang pelajar pula jelas mengalami symptom ADHD. Manakala bagi kategori sindrom down dan keterujaan pula masing-masing adalah seorang.

PERBINCANGAN

Kajian ini membuktikan bahawa saban tahun jumlah pelajar yang menghadiri sesi temuduga adalah semakin bertambah. Oleh kerana itu, adalah amat penting bagi para pensyarah untuk memahami serta mengenali simptom-simptom (ciri-ciri) masalah pembelajaran yang dialami oleh setiap pelajar. Ini kerana dalam sesi pembelajaran dan pengajaran sekiranya pensyarah tidak mengetahui serba sedikit berkenaan masalah pembelajaran yang dialami oleh pelajar ia akan memberikan satu bentuk cabaran kepada pensyarah. Antara kesan daripada situasi tersebut adalah kekecewaan (*frustration*). Bukan sahaja pelajar yang berasa kecewa malah pensyarah. Ini kerana tahap penguasaan masing-masing di antara pelajar adalah berbeza-beza. Oleh itu, sekiranya pensyarah telah memahami ciri-ciri yang dialami oleh setiap pelajar, pensyarah boleh memikirkan kaedah penyampaian PdP yang berbeza bagi menangani masalah yang dialami oleh pelajar.

LIMITASI DAN CADANGAN

PENAMBAHBAIKAN

Hasil daripada dapatan kajian ini adalah penting dalam menentukan kaedah atau bahan bantu mengajar yang berkesan untuk memudahkan penyampaian PdP. Ini terbukti apabila pada semester terdahulu pensyarah telah menghasilkan sebuah inovasi berbentuk pembaris pelbagai guna untuk para pelajar. Dapatan ini juga membantu dalam menentukan hala tuju kursus yang bakal

diberikan kepada para pensyarah. Ini bagi menentukan bahawa kursus yang diberikan adalah bertepatan dengan keperluan PdP.

RUJUKAN

- Brownell, M. T., Ross, D. D., Colon, E. P., & McCallum, C. L. (2005). *Critical features of special education teacher preparation: A comparison with general teacher education*. The Journal of Special Education, 38 (4), 242-252.
- Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992). *Pendidikan Khas Dan Pemulihan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Lerner, J. W. (2000). *Learning disabilities: Theories, diagnosis and teaching strategies*. 8th Ed. Boston: Houghton-Mifflin
- Mohd Majid Konting.(1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*.Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Samaher Jabareen-Taha & Haitham Taha. (2016). *Learning Disabilities : Current Policy and Directions for Community Involvement among the Arab Community in Israel*. *Educational Research and Reviews* , 1279-1287.
- Santrock, J. W. (2011). *Educational Psychology*. Avenue of the Americas, NY: McGraw Hill.
- Young, J.L., & Mi, N.M. (2014). *Relation of Character Strengths to Personal Teaching Efficacy in Korean Special Education Teachers*. *International Journal of Special Education*. 29(2), 1-6.